

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN**
MOHD HARUN NARRASHID
KAWASAN : **KOTA TINGGI**
TARIKH : **4 APRIL 2016 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **111**

SOALAN:

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk memastikan “*seamless trade*” dari segi *Non-Tariff Barriers* (NTBs) dan *Non-Tariff Measures* (NTMs) di kalangan negara-negara ASEAN di laksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Community* (AEC) pada 31 Disember 2015 adalah bertujuan untuk

mewujudkan rantau ASEAN sebagai satu pasaran tunggal dan pusat pengeluaran utama di dunia serta memastikan ASEAN kekal sebagai sebuah rantau yang dinamik dan berdaya saing. Sehubungan itu, ASEAN telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan dan memansuhkan duti import serta meliberalisasikan sektor perkhidmatan dan pelaburan. Ini bertujuan supaya pengaliran produk, perkhidmatan dan pelaburan di rantau ASEAN dapat bergerak secara bebas tanpa halangan-halangan tarif dan bukan tarif.

2. Sehingga Disember 2015, pelbagai langkah telah diambil oleh ASEAN seperti yang telah digariskan di bawah Pelan Tindakan AEC antaranya termasuklah penghapusan duti import ke atas 96 peratus produk, liberisasi sektor perkhidmatan yang merangkumi lebih daripada 100 sub-sektor perkhidmatan dan menghapuskan halangan-halangan bagi sektor pelaburan.

3. Walaupun ASEAN telah memansuhkan duti import secara substantif dan sektor perkhidmatan dan pelaburan telah diliberalisasikan, masih terdapat halangan-halangan dalam bentuk bukan tarif dan peraturan-peraturan domestik di kalangan negara-negara ASEAN yang menyekat aliran perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan secara lancar (*seamless trade*) di rantau ini. Sehubungan ini, ASEAN sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk menangani *NTBs* dan juga kesan halangan yang wujud hasil daripada *NTMs* melalui inisiatif-inisiatif fasilitasi perdagangan.

4. Terdapat dua komponen utama bagi memastikan bahawa inisiatif fasilitasi perdagangan memberi kesan positif kepada aliran perdagangan

yang lebih lancar di ASEAN, iaitu ketelusan dan penyeragaman atau harmonisasi. Ketelusan dalam prosedur notifikasi (*notification procedures*) peraturan baru akan dapat membantu pedagang dan sektor swasta membuat persediaan rapi dari segi operasi perniagaan manakala harmonisasi dalam kaedah berkaitan dengan standard dan pematuhan serta aturan pengiktirafan bersama (*Mutual Recognition Arrangements – MRAs*) akan membolehkan aktiviti perdagangan dijalankan dengan lebih mudah serta menjimatkan masa dan kos.

5. Pada tahun lepas, Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Ministers – AEM*) juga telah bersetuju untuk mengaktifkan semula Jawatankuasa Perundingan Bersama mengenai Fasilitasi Perdagangan (*ASEAN Trade Facilitation Joint Consultative Committee – ATFJCC*) yang berperanan sebagai satu badan khas untuk membincangkan isu-isu berkaitan fasilitasi perdagangan. Objektif ATFJCC adalah untuk mewujudkan satu pelan tindakan komprehensif fasilitasi perdagangan yang melibatkan kerjasama di antara sektor awam dan swasta. Di samping itu, terdapat juga kumpulan kerja di peringkat ASEAN (*Coordinating Committee on the Implementation of ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) – CCA*) yang memantau dan membincangkan pelbagai usaha pemansuhan *NTBs* secara lebih terperinci.

6. Inisiatif-inisiatif lain yang telah dan sedang diambil oleh ASEAN untuk menangani isu berkaitan *NTBs* dan juga *NTMs* iaitu:

- (i) Mewujudkan platform *ASEAN Solutions for Investments, Services and Trade (ASSIST)* yang merupakan kemudahan sesi konsultasi berasaskan internet untuk menangani

permasalahan operasi yang dihadapi oleh komuniti perniagaan dalam isu merentasi sempadan yang berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian-perjanjian ekonomi ASEAN;

- (ii) Membangunkan *ASEAN Trade Repository* (ATR) yang berperanan sebagai sebuah pusat sehenti (*one-stop centre*) bagi maklumat berkaitan perdagangan negara-negara ASEAN;
- (iii) Pelaksanaan sistem *ASEAN Single Window* (ASW) yang membolehkan pertukaran dokumen atau data perdagangan secara interaktif dan atas talian bagi urusan eksport dan import yang lebih efisien;
- (iv) Membangunkan Skim Perakuan Sendiri (*ASEAN Self-Certification Scheme*) yang membenarkan pengeksport dan pengeluar untuk memperakukan sendiri Sijil Tempasal (*Certificate of Origin*); dan
- (v) ASEAN turut berkerjasama dengan organisasi seperti ERIA (*East Asia Research Institute*) dan ARISE (*ASEAN Regional Integration Support by the EU*) untuk mewujudkan satu pangkalan data *NTMs* di rantau ASEAN.

7. Tidak dinafikan bahawa usaha untuk memansuhkan *NTBs* dan *NTMs* ini bukanlah sesuatu yang mudah dan ringkas. Ini adalah kerana setiap negara anggota mempunyai latar belakang ekonomi dan kepentingan yang berbeza di antara satu sama lain. Sehubungan ini, negara-negara ASEAN telah menyatakan komitmen untuk terus mengambil langkah-langkah

pemansuhan *NTBs* dan *NTMs* di bawah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025 (*AEC Blueprint 2025*).

8. Bagi Malaysia, Kerajaan sedar bahawa komitmen untuk memastikan “*seamless trade*” adalah satu usaha menyeluruh yang melibatkan kerjasama semua pihak di peringkat nasional dan serantau. Prosedur dan peraturan perdagangan di Malaysia melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan. Sehubungan ini, Kementerian akan sentiasa melaksanakan aktiviti penyelarasan dan konsultasi bagi memastikan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan sentiasa dipantau dan disusuli sehingga selesai. Selain itu, Kementerian ini akan sentiasa mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian dengan sektor swasta agar beban halangan perdagangan boleh dikurangkan dan seterusnya dimansuhkan untuk mewujudkan aliran perdagangan yang lebih bebas, lancar dan mudah di rantau ASEAN.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
DARIPADA MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan silibus mata pelajaran yang baru yang lebih menekankan kepada semangat cintakan negara, perpaduan dan kesukarelawan di kalangan murid-murid sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa kini KPM belum bercadang untuk memperkenalkan subjek baharu iaitu mata pelajaran Kenegaraan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini adalah kerana pemupukan semangat patriotisme dan kewarganegaraan telah disepadukan dengan aspek pengetahuan dan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah dan menengah. Ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan sejarah tanah air dan dunia di samping kemahiran-kemahiran belajar dan pemupukan semangat patriotik serta jati diri dalam kalangan murid.